

26 SEPTEMBER 2017

Syabu 11 kilogram, ecstasy bernilai RM3.4j dirampas

Syabu 11 kilogram, ecstasy bernilai RM3.4j dirampas

Kuching: Syabu seberat 11 kilogram bersama 993 biji pil ecstasy bernilai RM3.4 juta, dikesan disembunyikan dalam bungkusan teh herba di sebuah rumah, yang dijadikan stor penyimpanan dadah terbabit dekat Stutong di sini.

Ketika serbuan polis pada jam 1.30 tengah hari Khamis lalu, 11 bungkusan teh herba berisi dadah itu, disorok dalam bilik tidur dan disembunyikan dalam akuarium ikan, dipercayai untuk mengelak ia mudah dikesan pihak berkuasa.

Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Mohd Dzuraidi Ibrahim, berkata serbuan terhadap kediaman yang dijadikan stor penyimpanan dadah itu, adalah hasil maklumat awam serta risikan yang dijalankan polis sejak awal tahun ini.

Katanya, anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Polis Sarawak dan Daerah (IPD) Kuching yang terbabit dalam serbuan bersama itu, turut menahan dua lelaki berusia 27 tahun disyaki pengedarnya.

"Semua dadah terbabit ditemui disimpan dalam bungkusan teh herba, yang disorok dalam bilik tidur tingkat atas kediaman dua tingkat itu, selain di dalam akuarium ikan yang ditempatkan dalam stor tepi rumah berkenaan."



Semua dadah terbabit ditemui disimpan dalam bungkusan teh herba, yang disorok dalam bilik tidur tingkat atas kediaman dua tingkat itu, selain di dalam akuarium ikan yang ditempatkan dalam stor tepi rumah berkenaan"

Mohd Dzuraidi Ibrahim,
Timbalan Pesuruhjaya
Polis Sarawak

rium ikan yang ditempatkan dalam stor tepi rumah berkenaan.

Rampasan terbesar

"Ia adalah rampasan dadah membatik nilai terbesar di Sarawak tahun ini. Kedua-dua lelaki yang ditahan dalam serbuan itu direman sehingga 29 September ini dan kes sedang disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh membawa kepada hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan," katanya pada sidang media di IPK di sini, semalam.

Mohd Dzuraidi berkata, seorang daripada lelaki terbabit mempunyai tiga rekod kesalahan lampau berkaitan dadah dan polis sedang menjasat kemungkinan ada saki baki sindiket pengedar dadah berkenaan.

Beliau berkata, dadah itu dikenal pasti dibawa dari luar negara dan siasatan sedang dijalankan untuk mengetahui pasti lokasi pengedarannya, sama ada untuk pasaran tempatan ataupun diantar ke negara jiran.

Katanya, sejak Januari sehingga kini, JSJN Sarawak sudah menangani 1,301 kes berkaitan kesalan memiliki dan membekal dadah yang membabitkan 1,702 tangkapan.